

UEM Edgenta Rangkul Anugerah Syarikat Pengurusan Fasiliti Terbaik Malaysia Frost & Sullivan 2021

KUALA LUMPUR, 23 September – UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta" atau "Syarikat"), syarikat Penyelesaian Pengurusan Aset dan Infrastruktur terkemuka di rantau ini telah dianugerahkan sebagai Syarikat Pengurusan Fasiliti Terbaik Malaysia Frost & Sullivan 2021 buat kali ke-enam berturut-turut.

Syahrudin Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta mengulas, "Penganugerahan ini merupakan satu penghormatan besar kepada UEM Edgenta, dan ini mencerminkan keupayaan kami dalam memberikan perkhidmatan penyelesaian yang berteraskan teknologi dan inovasi terbaik secara berterusan. Kami berbesar hati menerima anugerah berprestij ini, yang meraikan amalan terbaik dalam industri pengurusan fasiliti, dan pengiktirafan yang diterima untuk tahun ke-enam secara berturut-turut ini sangat bermakna bagi kami."

"Pengurusan fasiliti juga berhubung kait dengan kesihatan dan keselamatan di tempat kerja, yang juga amat penting bagi kami di UEM Edgenta. Kami terus berusaha untuk menerapkannya sebagai sebahagian daripada budaya dan nilai kerja Syarikat dalam semua aspek pekerjaan yang kami lakukan. Sehubungan dengan itu, ini juga merupakan bukti daya tahan berterusan yang ditunjukkan oleh barisan petugas barisan hadapan yang ditugaskan di bangunan-bangunan di bawah jagaan kami sepanjang tempoh yang mencabar ini, dalam kami memainkan peranan kami untuk membantu memerangi pandemik COVID-19," tambah Syahrudin.

Anugerah tersebut telah disampaikan kepada Syahrudin, yang mewakili UEM Edgenta ketika upacara penyampaiannya di majlis Anugerah Amalan Terbaik Frost & Sullivan 2021 yang diadakan secara maya baru-baru ini.

Menurut Melvin Leong, Ketua Penyelidikan Bangunan Global Frost & Sullivan, "UEM Edgenta telah menunjukkan prestasi berdaya tahan dan terus maju sepanjang tempoh pandemik ini. Sebelum tahun 2020, Syarikat telah mengembangkan segmen penjagaan kesihatannya dan melabur dalam kepakaran teknologi untuk perkhidmatan pengurusan fasilitinya bagi membina asas perniagaan yang kukuh. Pendekatan ini telah berjaya membuahkan hasil, dengan Syarikat mencatatkan pertumbuhan pada tahun 2020."

"Syarikat membezakan organisasinya dengan menggunakan strategi yang unik dalam pengembangan perniagaan dan amalan lestari alam sekitarnya, mencapai akreditasi hijau untuk portfolio pelanggan dan memenangi kontrak baharu walaupun berdepan tahun yang mencabar. Ini juga mewujudkan pengalaman pelanggan yang sangat baik dengan memanfaatkan AI dan IoT. UEM Edgenta juga dilihat sebagai pemangkin untuk menaiktaraf industri pengurusan fasiliti dalam pada

Syarikat tersebut meneruskan usahanya untuk menjadi penyedia perkhidmatan menggunakan teknologi sepenuhnya dalam empat hingga lima tahun lagi,” komen beliau.

Ini adalah tahun ke-tujuh berturut-turut UEM Edgenta diiktiraf oleh Frost & Sullivan sejak tahun 2015, yang meraikan usaha Syarikat dalam meningkatkan dan menambahbaik industri pengurusan fasiliti melalui perkhidmatannya yang mampan dan berkualiti. Pada tahun 2015, Syarikat telah diiktiraf menerusi Anugerah Inovasi dan Kepemimpinan Strategi Bersaing Pengurusan Fasiliti Bersepadu Frost & Sullivan Asia Pasifik 2015.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Sejajar dengan visi 'Edgenta of the Future 2025', perkhidmatan UEM Edgenta yang menyeluruh adalah didorong oleh kepakaran teknologi merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai pemangkin ke arah Syarikat Penyelesaian yang dipacukan oleh Teknologi dengan tumpuan pada perkhidmatan kesihatan menjelang tahun 2025.

UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.